KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PENYERAHAN PROJEK SIAP BAGI PROJEK MEMBINA DAN MEROBOH SERTA MENAIKTARAF PUSPEN (CCRC) KARAK, BENTONG, PAHANG

BENTONG, PAHANG - Yang Berhormat Dato' Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya telah menghadiri Majlis Penyerahan Projek Siap bagi Projek Membina dan Meroboh serta Menaiktaraf (PUSPEN) Karak, Bentong, Pahang.

2. Majlis ini turut dihadiri oleh Exco Kerja Raya Pahang, YB Ahli Parlimen Bentong serta pegawai-pegawai kanan daripada KDN dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia.

3. Projek ini dilaksanakan bagi menyediakan kemudahan pusat pemulihan yang lebih moden, selamat dan selesa kepada kakitangan serta warga PUSPEN khususnya dalam memastikan bangunan fasiliti sedia ada di naiktaraf dan dibina baharu dengan infrastruktur yang lebih menyeluruh serta berkapasiti 500 penghuni untuk menyokong proses pemulihan dan rawatan.

4. Projek ini mempunyai nilai kontrak asal sebanyak RM68.88juta, manakala nilai kontrak semasa adalah sebanyak RM72.115juta. Projek telah bermula pada 6 Ogos 2021 dan tarikh asal dijadualkan untuk siap pada 1 Ogos 2024. Namun demikian, kontraktor utama iaitu TAIACE Engineering Sdn. Bhd., telah mengalami kelewatan berikutan isu dalaman pihak kontraktor dan dengan pemantauan rapi secara berkala oleh pihak Pengurusan Tertinggi KKR dan JKR Malaysia, akhirnya projek ini berjaya disiapkan sepenuhnya pada 27 Julai 2026 dengan tempoh berdenda.

5. Pencapaian ini merupakan satu perkembangan positif dalam pelaksanaan projek Kerajaan dan mencerminkan komitmen semua pihak yang terlibat, termasuk KKR, JKR Malaysia, serta pihak kontraktor dan Kementerian pelanggan dalam memastikan penyampaian projek kepada rakyat dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan. Penyiapan projek ini membuktikan kesungguhan pihak Kerajaan bagi memastikan kemudahan yang disediakan dapat dimanfaatkan oleh kakitangan serta warga PUSPEN sekaligus mewujudkan persekitaran pusat rehabilitasi yang

lebih selamat dan selesa serta menyokong proses pemulihan penghuni untuk kembali membina kehidupan yang lebih baik.

6. KKR melalui JKR Malaysia akan terus komited dalam melaksanakan projek-projek infrastruktur awam yang berkualiti, khususnya kemudahan pusat rawatan dan pemulihan, dengan memberi penekanan kepada aspek kualiti, keselamatan, pematuhan spesifikasi serta tempoh pelaksanaan yang ditetapkan. Inisiatif ini selaras dengan aspirasi **Kerajaan MADANI** yang menekankan nilai kesejahteraan, ihsan dan kelestarian seterusnya membentuk masyarakat yang seimbang, prihatin dan berbelas kasihan dalam tindakan memberdayakan golongan yang memerlukan.

7. Pelaksanaan projek seperti ini juga selaras dengan usaha Kerajaan untuk memastikan kemudahan asas pusat rehabilitasi yang berkualiti dapat disediakan secara berterusan demi menyokong ekosistem pemulihan yang berkesan serta melahirkan komuniti yang lebih selamat, produktif dan bebas dadah.

#Tamat#

KEMENTERIAN KERJA RAYA

5 OKTOBER 2026

#KearahKesejahteraanRakyat
#JasaKepadaRakyat
#MYJALAN
#TangkasBertindak
#KerajaanMADANI
#MADANIbekerja